1.3 We will deduct any amount you owe us.

1.4 If the reducing sum assured for TPD benefit is less than the reducing sum assured for death benefit, at the date the TPD begins, the TPD benefit payable will be limited to the reducing sum assured for TPD benefit.

1.5 The maximum aggregate amount for TPD benefit payable on each life assured under this and all other individual and group policies or certificates issued by us shall not exceed RM2,000,000.

1.6 In the event the amount of TPD benefit payable is less than the reducing sum assured for death benefit, on the date the TPD begins, the insurance coverage on death benefit will continue. The reducing sum assured for death benefit for all future durations will be reduced by the ratio that the TPD benefit payable bears to the reducing sum assured for death benefit on the date the TPD begins. This will take effect from the date the TPD begins.

2. Definition of total and permanent disability (TPD)

2.1 To be entitled to this benefit, 2 of our medical examiners must be satisfied that the life assured's disability meets the definition of TPD as shown below:

2.1.1 <u>For a life assured who is working or operating their own business</u>
If the life assured is between the ages of 18 and 65, working for money or operating their own business, they would be totally and permanently disabled if they were totally and permanently unable to do their job, occupation or profession for which they are reasonably fitted by reason of training, education or experience. The disability must last for at least 6 consecutive months.

2.1.2 <u>For a life assured who is unemployed or not operating their own business</u>
If the life assured is between the ages of 18 and 65 and at the time of suffering the disability, and is not in paid work or operating their own business or is a housewife, we consider TPD to be the inability to carry out at least 3 out of the 6 activities of daily living (as shown below) without the help of another person. The disability must last for at least 6 consecutive months.

a) Transfer – Getting in and out of a chair without requiring physical assistance;

b) Mobility – The ability to move from room to room without requiring any physical assistance;

c) Continence – The ability to voluntarily control bowel and bladder functions such as to maintain personal hygiene;

d) Dressing – Putting on and taking off all necessary items of clothing without requiring assistance of another person;

e) Bathing/Washing – The ability to wash in the bath or shower (including getting in or out of the bath or shower) or wash by any other means; or

f) Eating – All tasks of getting food into the body once it has been prepared.

2.1.3 TPD for this clause also includes the following:

a) Total and permanent loss of sight of both eyes;

b) Loss of 2 limbs at or above the wrist or ankle;

c) Total and permanent loss of sight of 1 eye and loss of 1 limb at or above the wrist or ankle; or

d) Permanent total paralysis.

3. Exclusions

3.1 We will not pay the benefit if the TPD resulted directly or indirectly from, or as a result of the following:

a) Strike, riot, civil commotion, rebellion, war (whether declared or not);

b) An incident that occurred while being under the influence of intoxicating liquor, intoxicating substance, any narcotic or drug;

c) Attempted suicide (whether sane or insane), immorality or intentional self-injury (whether sane or insane);

d) Entering, operating or servicing, ascending or descending from or with any aerial device or conveyance except while the life assured is in an aircraft operated by a commercial passenger airline on a regular schedule passenger trip over its established passenger route;

e) Involvement in a breach of criminal law (unless as an innocent party) or membership of any illegal organisation;

f) Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) or related complexes/conditions; or

g) A pre-existing condition within 12 months from the certificate commencement date.

4. Notice of claim

4.1 We must receive written notice of claim:

a) at our head office;

b) during the life assured's lifetime;

c) during the life assured's disability; and

d) within 30 days of the start of the disability.

5. Proof of disability

5.1 You must give us proof of TPD before we will consider this claim. You must pay any costs involved in this.

5.2 We will not consider any disability which last less than 6 months.

5.3 We may ask for proof that the TPD is total and permanent. We may do this at reasonable intervals.

5.4 As part of giving us proof, we may need the life assured to be examined by our medical examiners. We will pay for this medical examination. We will tell the life assured if this is needed.

6. Termination of coverage

6.1 This benefit will be terminated on the occurrence of any of the following circumstances:

a) On the date we approve and pay this benefit, if it is equal to reducing sum assured for death benefit. In case where TPD benefit payable is less than the reducing sum assured for death benefit, the certificate will not be terminated but death coverage will continue;

b) Upon death of life assured;

c) At the end of certificate term date as shown in the certificate of insurance;

d) Upon surrender of certificate;

e) Upon cancellation of certificate;

f) Upon certificate monthly anniversary immediately after the life assured's attainment of age 65; or

g) Upon termination of the loan facility or when life assured ceases to be a client of the master policy owner before the expiration of the term of the certificate for any reason.

However, in the event of g), only life assured has the option to continue the insurance coverage until the end of certificate term stated in the certificate of insurance by written notification to us.

ANNEXURE MRTA005

Formula for reducing sum assured

The reducing sum assured (RSA) is calculated based on the following formula:

$$RSA_t = ISA$$ for $t = 0,1,2,...,12 \times dp$

$$RSA_t = \frac{1 - v^{(12\times n)-(t-1)}}{1 - v^{(12\times pp)}} \times ISA$$ for $i > 0$; and

for $t = (12 \times dp)+1, (12 \times dp)+2,...,12 \times n$

$$RSA_t = \frac{(12 \times n) - t}{12 \times pp} \times ISA$$ for $i = 0$; and

for $t = (12 \times dp)+1, (12 \times dp)+2,...,12 \times n$

Where,

ISA = Initial sum assured

v = $\frac{1}{1+\frac{i}{12}}$

i = Loan interest rate

dp = Deferment period

pp = Loan repayment period

n = $dp + pp$

t = Duration in months – measured from the commencement date

SUN LIFE MALAYSIA ASSURANCE BERHAD

POLISI INDUK

GROUP MORTGAGE REDUCING TERM ASSURANCE (MRTA 2015)

KANDUNGAN

Bahagian	Tajuk	Muka surat
Lampiran MRTA001	Jadual polisi induk	2
Lampiran MRTA002	Peruntukan am	3
Lampiran MRTA003	Peruntukan manfaat – Manfaat kematian	11
Lampiran MRTA004	Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) (pekerjaan sendiri dan seumpamanya)	12
Lampiran MRTA005	Formula bagi jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan	16

LAMPIRAN MRTA002

Peruntukan am

1. Takrifan

1.1 Di dalam polisi ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:

a) **Ulangtahun sijil** bermaksud ulangtahun setiap tahun tarikh permulaan sijil.

b) **Tarikh permulaan sijil** bermaksud tarikh sijil bermula seperti yang tertera di dalam sijil insurans. Tarikh ini adalah tarikh yang mana perlindungan bermula.

c) **Sijil insurans** bermaksud sijil individu yang dikeluarkan kepada setiap orang yang diinsuranskan sebagai bukti perlindungan.

d) **Pengendorsan** bermaksud bukti bertulis mengenai sebarang pindaan, perubahan atau penukaran yang dibuat ke atas polisi and sijil insurans.

e) **Kepentingan insurans** bermaksud kepentingan ekonomi atau kewangan pemilik polisi induk dalam perlindungan pelanggan yang menanggung hutang kepada pemilik polisi induk dengan memperoleh kemudahan pinjaman pemilik polisi induk.

f) **Orang yang diinsuranskan** bermaksud seseorang yang diinsuranskan sebagaimana yang dinamakan dalam sijil insurans.

g) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang wujud dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh cadangan ditandatangani, yang mana:

i) rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun dicadangkan atau diterima;

ii) seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau

iii) kewujudannya telah diketahui oleh orang yang diinsuranskan, sama ada telah atau tidak, rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis dicadangkan atau diterima.

h) **Jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) ke atas orang yang diinsuranskan. Kami akan menentukan jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan berdasarkan formula yang dinyatakan dalam Lampiran MRTA005.

i) **Kami** bermaksud Sun Life Malaysia Assurance Berhad.

j) **Anda** bermaksud pemilik polisi induk seperti yang tertera di dalam jadual polisi induk.

2. Interpretasi

2.1 Di dalam polisi ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:

a) tajuk di dalam polisi ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya.

b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya.

c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.

2.2 Jika terdapat mana-mana peruntukan di dalam polisi ini tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia, ia tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehkuatkuasaan peruntukan lain.

3. Polisi induk

3.1 Polisi ini dikeluarkan setelah mempertimbangkan bagi borang cadangan orang yang diinsuranskan dan pembayaran premium seperti yang tertera di dalam sijil insurans dan adalah bergantung kepada:

a) jawapan yang diberikan oleh orang yang diinsuranskan dalam borang cadangan atau sebarang soal selidik berikutnya yang kami berikan atas apa-apa perkara berkaitan cadangan dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh orang yang diinsuranskan di antara waktu pengemukaan cadangan dan waktu sijil insurans dibuat; dan

b) laporan perubatan dan apa-apa laporan dan soal selidik yang lain;

(secara kolektif dirujuk sebagai ‘maklumat penting’)

dan maklumat penting tersebut akan menjadi sebahagian daripada polisi induk antara kami dan anda dan/atau orang yang diinsuranskan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa salah nyataan prapolisi yang berkaitan dengan maklumat penting telah dibuat, hanya remedi di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan dikenakan.

3.2 Jika kami memerlukan orang yang diinsuranskan, sebelum sijil insurans berubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika dia dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara berkaitan sijil insurans yang sebelum ini dia dedahkan kepada kami, ia adalah tanggungjawab orang yang diinsuranskan untuk mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.

3.3 Orang yang diinsuranskan mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan sijil insurans ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas orang yang diinsuranskan mengemukakan cadangan bagi perubahan tetapi sebelum sijil insurans diubah.

4. Kelayakan

4.1 Orang yang layak untuk polisi ini adalah pemohon pinjaman hartanah bagi pemilik polisi induk seperti yang tertera di dalam jadual polisi induk.

4.2 Ahli-ahli yang layak bagi pemilik polisi induk perlu melengkapkan borang cadangan yang akan dikemukakan kepada kami. Kami boleh menerima atau menolak sebarang cadangan tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan.

5. Bukti kepentingan insurans

5.1 Kami memerlukan bukti kepentingan insurans yang memuaskan di antara pelanggan dan pemilik polisi induk yang telah memberikan kemudahan pinjaman hartanah sebelum pelanggan diterima untuk perlindungan insurans.

5.2 Jika pemilik polisi tidak lagi mempunyai sebarang kepentingan dalam orang yang diinsuranskan, semua hak-hak dan hak-hak istimewa perlindungan insurans akan dipindahkan kepada orang yang diinsuranskan secara automatik.

6. Tempoh perlindungan

6.1 Perlindungan insurans bagi setiap orang yang diinsuranskan akan bermula pada tarikh permulaan sijil seperti yang tertera dalam sijil insurans.

7. Tempoh semakan percuma

7.1 Sekiranya orang yang diinsuranskan membuat keputusan supaya tidak mengambil perlindungan insurans atas apa jua sebab selepas ia telah dikeluarkan, orang yang diinsuranskan boleh mengembalikan sijil insurans kepada kami untuk pembatalan dengan memberikan notis bertulis kepada pemilik polisi induk dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran sijil insurans.

7.2 Kami akan membayar balik premium yang dibayar tanpa faedah ditolak sebarang perbelanjaan yang telah kami bayar untuk pemeriksaan perubatan.

8. Umur

8.1 Sijil dikeluarkan untuk umur orang yang diinsuranskan seperti yang tertera di dalam sijil insurans, berdasarkan tarikh lahir yang diberikan semasa cadangan. Kami perlu mendapatkan bukti umur orang yang diinsuranskan sebelum kami membayar sebarang manfaat.

8.2 Jika umur orang yang diinsuranskan yang dinyatakan adalah tidak betul dan mereka masih layak untuk perlindungan insurans, kami mungkin akan membuat penyelarasan berdasarkan berikut:

a) Jika premium berdasarkan umur sebenar adalah lebih tinggi berbanding dengan premium yang telah dibayar, kami mungkin akan mengutip premium tambahan atau mengurangkan jumlah permulaan yang diinsuranskan yang asal; atau

b) Jika premium berdasarkan umur sebenar adalah lebih rendah berbanding dengan premium yang telah dibayar, kami akan mengembalikan perbezaannya, tanpa faedah kepada orang yang diinsuranskan.

8.3 Jika umur orang yang diinsuranskan yang dinyatakan tidak betul dan mereka tidak layak untuk perlindungan insurans di bawah sijil insurans, sijil akan terbatal dan sijil akan tamat. Kami akan membayar balik premium yang dibayar, tanpa faedah untuk tempoh yang tidak layak untuk perlindungan.

9. Jantina

9.1 Sijil dikeluarkan untuk jantina orang yang diinsuranskan seperti yang tertera di dalam sijil insurans, berdasarkan jantina yang diberikan semasa permohonan.

9.2 Jika jantina orang yang diinsuranskan yang dinyatakan adalah tidak betul, kami mungkin akan membuat penyelarasan berdasarkan berikut:

a) Jika premium berdasarkan jantina yang betul adalah lebih tinggi berbanding dengan premium yang telah dibayar, kami mungkin akan mengutip premium tambahan atau mengurangkan jumlah permulaan yang diinsuranskan yang asal; atau

b) Jika premium berdasarkan jantina yang betul adalah lebih rendah berbanding dengan premium yang telah dibayar, kami akan mengembalikan perbezaannya, tanpa faedah kepada orang yang diinsuranskan.

10. Klausa perihal tidak boleh dipertikaikan

10.1 Jika sijil insurans tidak lagi sah, atas sebab selain daripada penipuan, kami akan membayar balik premium yang telah dibayar dari tarikh permulaan sijil, tanpa sebarang faedah.

10.2 Kami tidak boleh mempertikaikan sijil insurans selepas ia telah berkuatkuasa selama 2 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan, kecuali terdapat bukti penipuan.

11. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman orang yang diinsuranskan

11.1 Polisi ini tidak menyekat orang yang diinsuranskan daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak terjejas oleh lokasi tempat tinggalnya.

12. Perubahan kepada polisi

12.1 Kami berhak meminda terma-terma dan peruntukan-peruntukan polisi ini bertujuan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia. Kami akan memberi notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami.

12.2 Permintaan orang yang diinsuranskan untuk apa-apa perubahan atau pengendorsan kepada polisi ini tidak akan sah kecuali jika kami benarkan dan kelulusan tersebut hendaklah diendorskan di bawah sijil insurans.

13. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

13.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah sijil insurans.

13.2 Kami boleh menggunakan sebarang amaun yang kami terhutang kepada orang yang diinsuranskan (sebagai contoh: manfaat) di bawah sijil insurans untuk membayar balik sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami (sebagai contoh: premium) di bawah sijil insurans.

14. Penyerahan sijil

14.1 Orang yang diinsuranskan boleh, pada bila-bila masa semasa hayat orang yang diinsuranskan dan semasa sijil insurans berkuatkuasa, menyerahkan sijil insurans dengan memberi notis bertulis kepada pemilik polisi induk, tertakluk kepada persetujuan pemilik polisi induk. Semua manfaat dan hak di bawah sijil insurans akan tamat. Nilai penyerahan yang kami akan bayar kepada orang yang diinsuranskan semasa serahan sijil insurans mungkin akan jauh kurang daripada jumlah sebenar premium yang telah dibayar.

14.2 Klausa 7 akan dikuatkuasa jika orang yang diinsuranskan menyerahkan sijil insurans dalam tempoh semakan percuma.

15. Penamatan

15.1 Anda atau kami boleh menamatkan polisi ini dengan memberi 90 hari notis bertulis. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk setiap orang yang diinsuranskan akan berterusan sehingga akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil orang yang diinsuranskan masing-masing.

15.2 Sijil insurans akan tamat dalam mana-mana keadaan yang berikut:

a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian dan TPD seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan manfaat di dalam Lampiran MRTA003 dan Lampiran MRTA004 polisi ini;

b) Pada akhir tempoh sijil yang tertera di dalam sijil insurans;

c) Setelah sijil diserahkan;

d) Setelah sijil dibatalkan; atau

e) Setelah penamatan kemudahan pinjaman atau orang yang diinsuranskan bukan lagi pelanggan kepada pemilik polisi induk sebelum tempoh akhir sijil insurans di bawah apa-apa sebab.

Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan e) berlaku, hanya orang yang diinsuranskan mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan insurans sehingga akhir tempoh sijil yang dinyatakan dalam sijil insurans dengan notis bertulis kepada kami.

16. Undang-undang

16.1 Polisi ini dan tanggungjawab kami di bawah polisi ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.

16.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan polisi ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.

16.3 Polisi ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

17. Mengingkari peruntukan-peruntukan

17.1 Jika sesiapa yang terlibat dengan polisi ini mengetahui tentang, atau membenarkan sesiapa mengingkari mana-mana peruntukan polisi ini, ia tidak bermakna peruntukan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan pada masa hadapan.

17.2 Tanpa mengambilkira peruntukan ini, anda dan kami boleh melaksanakan hak di bawah polisi ini dan memastikan kedua-dua pihak mematuhi semua peruntukan yang ada.

18. Cukai

18.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil insurans akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma polisi induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

19. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)

19.1 Sekiranya orang yang diinsuranskan mempunyai indicia Amerika Syarikat dan gagal memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan yang mungkin kami perlukan dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami mematuhi kewajipan polisitual, undang-undang atau kawal selia di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA), termasuk sebarang laporan kepada *U.S Internal Revenue Service* (Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat) mengenai maklumat berkaitan dengan orang yang diinsuranskan atau waris yang berkaitan dengan sijil insurans, kami berhak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya yang mana mungkin termasuk menyerahkan laporan yang sepatutnya, menggantung sijil insurans orang yang diinsuranskan, menahan wang yang perlu dikirimkan, menamatkan sijil insurans dan memulangkan nilai tunai (jika ada) tolak sebarang keterhutangan tanpa keuntungan sekiranya penamatan tersebut berlaku.

19.2 Untuk tujuan polisi induk ini, takrifan indicia Amerika Syarikat adalah seperti yang dinyatakan oleh *U.S Internal Revenue Service (IRS)* melalui laman web mereka di www.irs.gov, atau apa-apa semakan mengenai takrifan selepas itu oleh IRS.

20. Pembayaran premium

20.1 Premium tunggal akan dibayar untuk perlindungan insurans orang yang diinsuranskan.

20.2 Kadar premium yang dinyatakan adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula kadar premium. Kami akan memberi notis bertulis kepada pemilik polisi induk sekurang-kurangnya 90 hari sebelum ulangtahun polisi untuk penyemakan semula premium. Penyemakan semula premium akan berkuatkuasa bagi sijil baru yang dikeluarkan selepas tamat tempoh notis.

21. Nilai tunai

21.1 Sijil insurans akan memperolehi nilai tunai seperti yang ditentukan oleh kami.

22. Jika polisi ini berkongsi keuntungan dengan kami

22.1 Polisi ini tidak mendapat sebarang faedah daripada keuntungan kami. Ia adalah polisi tanpa penyertaan.

23. Hak milik

23.1 Anda adalah pemilik sah polisi ini.

23.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh polisi ini (bergantung kepada hak sebarang penama).

24. Penama

24.1 Orang yang diinsuranskan yang telah mencapai umur 16 tahun, boleh menamakan seseorang atau syarikat pemegang amanah yang berdaftar untuk menerima wang yang perlu dibayar apabila dia meninggal dunia di bawah sijil insurans. Penamaan boleh dibuat pada masa permohonan sijil insurans atau pada bila-bila masa selepas sijil insurans dikeluarkan.

24.2 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau mana-mana pindaan pada masa hadapan yang dibuat oleh orang yang diinsuranskan, akan menerima manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Orang yang diinsuranskan boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Notis bertulis mestilah kami terima dan daftarkan semasa hayat orang yang diinsuranskan. Pembatalan dan perubahan penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima notis bertulis itu.

25. Notis tuntutan

25.1 Anda atau wakil sah anda mestilah memberi notis bertulis mengenai tuntutan di ibu pejabat kami dalam masa 30 hari dari tarikh kejadian yang diinsuranskan berlaku.

26. Bukti tuntutan

26.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami atas perbelanjaan anda atau wakil sah anda.

26.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen tambahan lain sekiranya perlu untuk menyokong tuntutan.

26.3 Kami berhak untuk meminta orang yang diinsuranskan untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantik, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan.

27. Membayar manfaat-manfaat

27.1 Selepas menerima dan meluluskan bukti tuntutan orang yang diinsuranskan, kami akan membayar anda amaun pembiayaan tertunggak sebenar yang ditanggung oleh orang yang diinsuranskan atau jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan, yang mana lebih rendah.

27.2 Sijil akan ditamatkan semasa pembayaran di atas.

27.3 Jika amaun pembiayaan tertunggak sebenar adalah kurang daripada jumlah perlindungan insurans, baki apa-apa manfaat yang perlu dibayar akan dibayar kepada orang yang diinsuranskan, jika masih hidup; atau sebaliknya kepada penama yang dinamakan oleh orang yang diinsuranskan.

27.4 Sekiranya tiada penama, manfaat-manfaat yang belum dibayar akan dibayar kepada pihak penuntut yang sah.

28. Duti setem

28.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

LAMPIRAN MRTA003

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang diinsuranskan dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan pada tarikh kematian orang yang diinsuranskan.

1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami.

1.3 Sijil akan ditamatkan apabila berlaku kematian orang yang diinsuranskan atau pembayaran di atas.

2. Pengecualian-pengecualian

2.1 Kami hanya akan membayar balik premium yang dibayar, tanpa faedah dan sijil akan ditamatkan dalam keadaan yang berikut:

a) Jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia disebabkan bunuh diri (semasa waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil; atau

b) Jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia disebabkan keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.

3. Penamatan perlindungan

3.1 Perlindungan insurans orang yang diinsuranskan di bawah sijil akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:

a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian;

b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang perlu dibayar kurang berbanding dengan jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan untuk manfaat kematian, sijil insurans tidak akan tamat tetapi perlindungan kematian akan diteruskan;

c) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil insurans;

d) Setelah sijil diserahkan;

e) Setelah sijil dibatalkan; atau

f) Setelah penamatan kemudahan pinjaman atau orang yang diinsuranskan bukan lagi pelanggan kepada pemilik polisi induk sebelum tempoh akhir sijil insurans di bawah apa-apa sebab.

Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan f) berlaku, hanya orang yang diinsuranskan mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan insurans sehingga akhir tempoh sijil yang dinyatakan dalam sijil insurans dengan notis bertulis kepada kami.

LAMPIRAN MRTA004

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) (pekerjaan sendiri dan seumpamanya)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

1.1 Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika orang yang diinsuranskan mengalami TPD sebagaimana ditakrifkan di bawah, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh permulaan sijil.

1.2 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulangtahun bulanan sejurus selepas hari lahir ke-65 orang yang diinsuranskan, kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang diinsuranskan telah mengalami TPD dan meluluskan tuntutan, kami akan membayar jumlah yang diinsuranskan pada tarikh TPD orang yang diinsuranskan.

1.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami.

1.4 Jika jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan untuk manfaat TPD adalah kurang daripada jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, manfaat TPD yang dibayar akan terhad kepada jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan untuk manfaat TPD.

1.5 Jumlah maksimum manfaat TPD dibayar atas setiap orang yang diinsuranskan di bawah polisi ini dan semua polisi atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.

1.6 Jika jumlah manfaat TPD yang dibayar adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, perlindungan insurans atas manfaat kematian akan diteruskan. Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah yang mana manfaat TPD yang dibayar kepada jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian pada tarikh TPD bermula. Ini akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.

2. Definisi hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

2.1 Untuk layak menuntut manfaat ini, 2 pemeriksa perubatan kami mestilah diyakini bahawa hilang upaya yang dialami oleh orang yang diinsuranskan telah memenuhi takrifan TPD seperti yang dinyatakan di bawah:

2.1.1 <u>Untuk orang yang diinsuranskan yang bekerja atau mengendalikan perniagaan sendiri</u>
Jika umur orang yang diinsuranskan di antara 18 dan 65 tahun, bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri, mereka telah hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka tidak mampu secara menyeluruh dan kekal untuk melakukan tugas, pekerjaan atau profesion yang mana mereka telah dilatih atau layak melakukan berdasarkan latihan, pendidikan atau pengalaman mereka. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan.

2.1.2 <u>Untuk orang yang diinsuranskan yang tidak bekerja atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri</u>
Jika orang yang diinsuranskan berumur antara 18 dan 65 tahun dan tidak bekerja untuk mendapat gaji atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri atau merupakan seorang suri rumah sewaktu mengalami hilang upaya, kami menganggap TPD sebagai ketidakupayaan untuk menjalani sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian (sebagaimana dinyatakan di bawah) tanpa bantuan orang lain. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan selama sekurang-kurangnya 6 bulan:

a) Pemindahan – Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal;

b) Pergerakan – Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal;

c) Perihal mengawal – Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri;

d) Pemakaian – Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;

e) Mandi/Membersihkan diri – Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain; atau

f) Makan – Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

2.1.3 TPD untuk klausa ini juga merangkumi yang berikut:

a) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;

b) Kehilangan 2 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki;

c) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada 1 mata dan kehilangan 1 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki; atau

d) Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.

3. Pengecualian-pengecualian

3.1 Kami tidak akan membayar manfaat sekiranya TPD adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, atau akibat daripada yang berikut:

a) Mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak);

b) Kejadian yang berlaku semasa berada di bawah pengaruh minuman keras, bahan yang memabukkan atau sebarang narkotik atau dadah;

c) Percubaan membunuh diri (semasa waras atau tidak waras), perbuatan tidak bermoral atau kecederaan sengaja ke atas diri sendiri (semasa waras atau tidak waras);

d) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang diinsuranskan itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;

e) Terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli mana-mana organisasi haram;

f) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kompleks/keadaan yang berkaitan; atau

g) Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.

4. Notis tuntutan

4.1 Kami mesti menerima notis tuntutan bertulis:

a) di ibu pejabat kami;

b) semasa hayat orang yang diinsuranskan;

c) semasa ketidakupayaan orang yang diinsuranskan; dan

d) dalam tempoh 30 hari dari permulaan ketidakupayaan.

5. Bukti ketidakupayaan

5.1 Anda mesti memberi bukti TPD kepada kami sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini. Anda mesti membayar sebarang kos yang berkenaan dengan ini.

5.2 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan.

5.3 Kami mungkin akan meminta bukti bahawa TPD adalah menyeluruh dan kekal. Kami boleh melakukan ini pada jangka masa yang munasabah.

5.4 Sebagai sebahagian daripada memberi bukti kepada kami, kami mungkin memerlukan orang yang diinsuranskan diperiksa oleh pemeriksa perubatan kami. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang diinsuranskan jika ini diperlukan.

6. Penamatan perlindungan

6.1 Manfaat ini akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:

a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang perlu dibayar kurang berbanding dengan jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan untuk manfaat kematian, sijil tidak akan tamat tetapi perlindungan kematian akan diteruskan;

b) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;

c) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil insurans;

d) Setelah sijil diserahkan;

e) Setelah sijil dibatalkan;

f) Pada ulangtahun bulanan sijil sejurus selepas hari lahir ke-65 orang yang diinsuranskan; atau

g) Setelah penamatan kemudahan pinjaman atau orang yang diinsuranskan bukan lagi pelanggan kepada pemilik polisi induk sebelum tempoh akhir sijil di bawah apa-apa sebab.

Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan g) berlaku, hanya orang yang diinsuranskan mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan insurans sehingga akhir tempoh sijil yang dinyatakan dalam sijil insurans dengan notis bertulis kepada kami.

LAMPIRAN MRTA005

Formula bagi jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan

Jumlah yang diinsuranskan yang berkurangan (RSA) ini dikira berdasarkan formula yang berikut:

$$RSA_t = ISA$$ untuk $t = 0,1,2,...,12 \times dp$

$$RSA_t = \frac{1 - v^{(12\times n)-(t-1)}}{1 - v^{(12\times pp)}} \times ISA$$ untuk $i > 0$; dan

untuk $t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2,...,12 \times n$

$$RSA_t = \frac{(12 \times n) - t}{12 \times pp} \times ISA$$ untuk $i = 0$; dan

untuk $t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2,...,12 \times n$

Yang mana,

ISA	=	jumlah permulaan yang diinsuranskan
v	=	$\frac{1}{1 + \frac{i}{12}}$
i	=	kadar keuntungan
dp	=	tempoh penangguhan
pp	=	tempoh pembayaran
n	=	$dp + pp$
t	=	tempoh dalam bulan – dikira dari tarikh permulaan sijil